KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	011.03.22	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	JMG			

BH Jumaat, 11 Mac 2022 Nasional

Insiden runtuhan batu kuari

Operasi cari, selamat mangsa tertimbus dihenti sementara

Berlaku gegaran, runtuhan tanah kecil sekitar lokasi

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Operasi mencari dan menyelamat dua mangsa tertimbus dalam insiden runtuhan batu kuari di Keramat Pulai, Simpang Pulai di sini, tidak dapat diteruskan berikutan berlaku gegaran dan runtuhan tanah kecil di sekitar lokasi.

Timbalan Komander Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Aidil Adlee Che Mee, berkata berdasarkan penilaian risiko oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), operasi terpaksa dihentikan seketika dan kerja pengalihan bongkah batu dimulakan semula pada sekitar jam 4 petang semalam.



Runtuhan tanah kecil berlaku di sekitar lokasi mangsa tertimbus di Keramat Pulai, Simpang Pulai-Cameron Highlands, semalam. (Foto L Manimaran/BH)

"Kita jangka memulakan operasi hari ini (semalam) pada jam 8 pagi dengan proses pengalihan bongkah batu yang besar.

"Namun, hujan lebat pagi tadi (semalam) menyebabkan kita terpaksa menganjakkan masa bagi proses kerja pengalihan terbabit," katanya kepada media, semalam.

Aidil Adlee berkata, kesan hujan itu menyebabkan berlaku gelungsuran tanah kecil di kawasan itu.

"JMG memaklumkan ini adalah tanda awal berlakunya runtuhan yang besar. Jadi hasil daripada perbincangan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), JMG dan pemilik kawasan ini, kita mengambil keputusan meneruskan proses pengalihan bongkah batu besar di sektor yang ditetapkan hanya pada jam 4 petang," katanya.

Aidil Adlee berkata, daripada aspek keselamatan pula, pihaknya turut mendapat bantuan JMG dengan menggunakan peralatan khas dipasangkan pada bahagian sekitar bukit yang berkemungkinan mempunyai struktur yang lemah.

Katanya, pasukan semalam akan meneruskan usaha menggunakan dron untuk mengesan haba bagi mengenal pasti kedudukan mangsa.

"Semalam (kelmarin) kita cuba menggerakkan bantuan daripada unit udara bomba menggunakan dron, namun tidak mendapat sebarang petunjuk haba daripada mangsa yang tertimbus.

"Hari ini (semalam) kita cuba menerbangkan lagi dron, namun setakat ini masih belum menemui tanda," katanya.